

Headline	Hargai petugas sempadan		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	10 Jul 2014	Language	Malay
Circulation	25,000	Readership	75,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	46	ArticleSize	181 cm ²
AdValue	RM 1,044	PR Value	RM 3,133



Hargai petugas sempadan

SINTOK - Lebih 300 bungkus bubur lambuk Seri Sintok diedarkan kepada kakitangan kerajaan yang bertugas di sempadan Bukit Kayu Hitam - Thailand, dekat sini, kelmarin.

Program anjuran Kelab Mesra Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Utara Malaysia (UUM) itu diadakan bagi menghargai peranan mereka yang menjalankan tanggungjawab khususnya di bulan Ramadan ini.

Pengarah HEP, Dr Ahmadasri Alaudin berkata, pengagihan kepada petugas di sempadan Malaysia-Thailand ini menunjukkan keprihatinan dan penghargaan kepada mereka yang sedang bertugas menjaga kawasan sempadan negara.

"Walaupun pemberian kita ini kecil, namun sudah cukup untuk menunjukkan penghargaan kepada petugas di sini.

"Kita mengadakan program gotong-royong

bagi menyediakan bubur lambuk ini sebagai pengisian aktiviti sempena bulan Ramadan bagi mengeratkan hubungan antara warga di jabatan ini dan masyarakat setempat," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Kelab Mesra HEP, Muhammad Iskandar Zulkarnain Muhammad Suhaimi berkata, pengisian program seperti ini bukan sahaja mendekatkan kampus ini dengan masyarakat setempat, malah mengeratkan lagi hubungan antara kakitangan.

Menurutnya, pengagihan bubur lambuk itu diberikan kepada pasukan tentera, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Imigresen, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Kastam dan petugas tol Lebuhraya Utara - Selatan (Plus).

Manakala pengagihan itu dilakukan oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan HEP, Kamaludin Chin.



Kamaludin Chin (kanan) mengagihkan bubur lambuk kepada anggota tentera yang bertugas di sempadan.